

Pengenalan

Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu IX (SAKM IX) merupakan seminar peringkat antarabangsa yang diadakan dua tahun sekali, dianjurkan oleh Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (PPBKMM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama institusi di luar UKM. Seminar ini bermula pada tahun 1989 dengan kehadiran tokoh sastra tersohor dari dalam dan luar negara sebagai pembentang kertas kerja seperti Amin Sweeney, Nigel Philips, Ulrich Kratz, Monique Zaini-Lajoubert, Annabel T. Gallop, Rainer dan Beate Carle, Lisbeth Litrupp, Liaw Yock Fang, Harry Aveling, Mohd. Taib Osman, Shahnnon Ahmad, Muhammad Haji Salleh, Siti Hawa Salleh, M. Khalid Taib, Umar Junus, U.U. Hamidy, Teuku Iskandar Alibasyah, Hashim Awang dan Shaharuddin Maarof.

Bersempena menyambut 50 tahun kemerdekaan negara, jawatankuasa bercadang mengadakan seminar ini dengan membawakan tema "Sastera Melayu Pascamerdeka: Satu Retrospeksi Merintis Kerjasama Antarabangsa". Seminar ini dianjurkan bersama Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Seminar ini menyediakan ruang kepada para sarjana untuk berhimpun, membentangkan penemuan terbaru mereka dan berkongsi dapatan dengan natijah penyebaran. Seminar ini diharapkan dapat membuahkan sesuatu yang bermakna untuk dokumentasi dan akhirnya mengisi khazanah warisan tamadun bangsa.

Objektif

- 1 Mendapatkan maklumat terkini kajian sarjana bersangkutan tema.
- 2 Membincangkan sebarang penemuan sama ada daripada genre tradisional mahupun moden.
- 3 Menyebarkan maklumat dan data baru tentang Persuratan Melayu ke seluruh dunia.
- 4 Menggembelng tenaga dan kepakaran di antara institusi pengajian tinggi seluruh dunia di mana sahaja terdapat Pengajian Melayu.
- 5 Melangsungkan tradisi ilmu dwi-tahunan seperti yang telah dijayakan sejak tahun 1989.
- 6 Menerbitkan sebanyak mungkin kepelbagaian penemuan tentang sastra Melayu untuk pemasyarakatan dan pengantarabangsaan.

Tema

Sastera Melayu Pascamerdeka: Satu Retrospeksi Merintis Kerjasama Antarabangsa

Sub-tema

- 1 Sastera Melayu Warisan Bermakna
- 2 Sastera Melayu di Persada Antarabangsa
- 3 Hiliran Sastera (Muzik, Lagu, Tarian, Seni Khat, Seni Bina, dll.)
- 4 Tokoh dan Gerakan Sastera Melayu
- 5 Teori dan Antara-Disiplin Pengajian Sastera
- 6 Pendidikan Sastera

Maklumat Lanjut

Sebarang pertanyaan mengenai seminar, sila hubungi:

Sekretariat SAKM IX,
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (PPBKMM),
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK),
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Tel/Mel-e : 603-8921 5251 sahlans@ukm.my (Prof. Dr. Sahlan Saman)
: 603-8921 5288 mar@ukm.my (Dr. Mawar Shafie)
: 603-8921 5749 yuszaidy@ukm.my (Sdr Yuszaidy Mohd Yusof)

Yuran Penyertaan

Bayaran bagi setiap peserta ialah RM100.00 (tidak termasuk penginapan)

Abstrak

Abstrak perlu dihantar selewat-lewatnya pada **31 Ogos 2007** sementara kertas kerja penuh perlu diserahkan sebelum **30 September 2007**.

BORANG PENYERTAAN

Nama : _____

Institusi : _____

Status Penyertaan:

Peserta

Pembentang

Tel. : _____

Faks. : _____

E-mel : _____

Borang penyertaan yang lengkap perlu dihantar ke:

Sekretariat SAKM IX,
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
(PPBKKM),
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK),
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

SEMINAR ANTARABANGSA KESUSASTERAAN MELAYU IX SAKM IX

TEMA:

"SASTERA MELAYU PASCAMERDEKA: SA TU RETROSPEKSI
MERINTIS KERJASAMA ANTARABANGSA"

TARIKH:

26-28 OKTOBER 2007

TEMPAT:

HOTEL VISANA,
TELUK CHEMPEDAK, KUANTAN,
PAHANG

ANJURAN BERSAMA:



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA



PUSAT PENGAJIAN BAHASA, KESUSASTERAAN DAN KEBUDAYAAN MELAYU,
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)
GABUNGAN PERSATUAN PENULIS NASIONAL
(GAPENA)



PEMENANG
ANUGERAH KUALITI
PERDANA MENTERI
2006